

NO. SOALAN: 9

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. ISMAIL BIN DAUT [MERBOK]

TARIKH : 8.11.2017 (RABU)

Dr. Ismail bin Daut [Merbok] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan usaha-usaha yang dijalankan Kementerian bagi memberi kefahaman kepada rakyat tentang hak pengguna terutamanya kepada golongan muda dan masyarakat tentang sejauh manakah usaha-usaha yang dijalankan ini benar-benar berkesan.

3

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) telah melaksanakan pelbagai program dan aktiviti kepenggunaan kepada rakyat bagi memberi kefahaman kepada mereka tentang hak-hak pengguna. Bagi golongan muda khususnya, Kementerian melaksanakan program ceramah kepenggunaan di sekolah-sekolah menengah dan Institut Pengajian Tinggi (IPT) awam dan swasta di seluruh negara.

Di samping itu, Kementerian juga melaksanakan program-program kepenggunaan di kawasan luar bandar yang melibatkan golongan wanita, belia, kanak-kanak, Orang Kelainan Upaya (OKU) dan sebagainya. Semua program yang telah dilaksanakan ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada rakyat.

Keberkesanan pelaksanaan program-program ini boleh dilihat dari segi jumlah penerimaan aduan oleh Kementerian ini. Berdasarkan data aduan, didapati bahawa jumlah aduan yang diterima oleh Kementerian ini menunjukkan peningkatan dari tahun 2012 sehingga ke tahun ini. Peningkatan bilangan aduan ini menggambarkan bahawa rakyat semakin bijak dan berdaya upaya untuk mengaplikasikan hak mereka sebagai pengguna.

Program-program kepenggunaan ini sekaligus memberikan impak terhadap persekitaran yang seimbang di mana pengguna yang berdaya upaya dapat dilahirkan seiring dengan peniaga yang melaksanakan kawal selia sendiri.